

16/02/2003

Perdana Menteri Singapura setuju bina jambatan 2007

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong bersetuju dengan hasrat Malaysia untuk membina sebuah jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor menjelang 2007.

Mengikut laporan yang dipetik di dalam laman web Cyberita.asial.com.sg,

Goh pernah menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad pada 11 April 2001.

Berdasarkan surat itu, Goh bersetuju dengan saranan Malaysia yang mahu membina sebuah jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

Antara lain, dalam surat itu, Goh berkata: "Di antara pilihan jambatan yang baru untuk menggantikan Tambak Johor dan sebuah lagi untuk menggantikan tambak itu di Tambak Johor bahagian Malaysia, saya lebih cenderung kepada saranan yang awal.

"Sejurus selepas jambatan baru disiapkan, Tambak Johor boleh dirobuhkan

dan saya lebih cenderung jika ia dilakukan selepas 2007 selepas tambak yang ada dirobuhkan."

Di Johor Bahru kelmarin, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan meneruskan pembinaan sebuah jambatan bergerak setinggi kira-kira 25 meter bagi menggantikan Tambak Johor di sebelah negara ini walaupun tanpa kerjasama Singapura.

Beliau berkata, rancangan pembinaan jambatan yang bentuknya agak unik itu sudah dimaklumkan kepada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew pada perbincangan empat mata antara mereka tidak lama dulu.

Perdana Menteri menunjukkan peta dan pelan cadangan projek pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) baru serta lukisan rupa bentuk jambatan itu kepada Lee.

Selain itu, surat balasan Lee kepada Dr Mahathir bertarikh 21 September

2001 juga menyatakan kesediaan Republik Singapura untuk menggantikan Tambak Johor.

Surat-surat itu adalah antara surat-menyurat pemimpin kedua-dua negara yang didedahkan Singapura baru-baru ini untuk menjelaskan fakta sebenar isu dua hala selepas pelbagai tuduhan tidak berasas dibuat pihak Malaysia terhadap Singapura.

Menteri Ewhal Luar Singapura, Prof S Jayakumar, dalam kenyataan di Parlimen baru-baru ini mendedahkan bahawa dalam pertemuan di antara Dr Mahathir dan Lee pada Ogos 2000, pemimpin Malaysia itu menyertakan dua perkara baru dalam pakej isu-isu yang sedang dirundingkan.

Ini adalah soal harga bekalan air di bawah perjanjian sekarang dan projek pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor. Lee bersetuju dengan tambahan itu.

Namun, kesemua konsensi ini akan diberikan Singapura dengan syarat Malaysia bersetuju membekalkan air pada masa depan.

Kos bagi Singapura dalam projek jambatan itu melebihi S500 juta. Namun,

Singapura tetap bersedia bersetuju dengan projek itu, asalkan ia diuraikan secara pakej.